



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:**

**ENCIK MUHAMMAD RAZIF B. SALLEH MENGENAI PENGLIBATAN BELIAU  
DALAM SUKAN BASIKAL DI SEGAMAT, JOHOR DARUL TAKZIM.**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NUR NATASHA BT MOHD NAJIB**

**NURUL NADIAH BT YUSMAN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**IMR 604 – SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 5 (MAC-JUN 2015)**

# **SEKAPUR**

# **SIREH**

## PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang telah ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul Azmi Bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi yang telah banyak memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada Encik Muhammad Razif B Salleh yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temubual sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalias jasa anda sekalian.

## **ISI KANDUNGAN**

**NO.                  TAJUK**

- 1.0        PENGENALAN**
- 2.0        ABSTRAK**
- 3.0        SINGKATAN KATA**
- 4.0        BIODATA PENULIS**
- 5.0        BIODATA TOKOH**
- 6.0        PENGENALAN DIRI TOKOH**
- 7.0        TRANSKRIP WAWANCARA**
- 8.0        NAMA INDIVIDU YANG DISEBUT**
- 9.0        LOG WAWANCARA**
- 10.0      KRONOLOGI**
- 11.0      SENARAI SOALAN**
- 12.0      RUMUSAN**
- 13.0      RALAT**
- 14.0      RUJUKAN**
- 15.0      INDEKS**
- 16.0      LAMPIRAN**

# PENGENALAN

## 1.0 PENGENALAN

### Objektif kajian:-

- Menambah ilmu pengetahuan tentang bidang sukan basikal di Segamat.
- Menghargai tokoh-tokoh sukan basikal di Segamat.
- Mendapatkan gambaran sebenar mengenai sukan basikal di Segamat.

### Kaedah kajian:-

Kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan temubual bersama tokoh sukan adalah seperti berikut:

- Melakukan pembacaan melalui pelbagai sumber seperti internet, surat khabar dan buku.
- Melakukan rujukan bersama pensyarah berkaitan prosedur serta nasihat dalam melaksanakan temubual bersama tokoh sukan.
- Mendapatkan keizinan dan persetujuan daripada tokoh sukan melalui perjumpaan serta panggilan telefon.
- Melakukan dua sesi pertemuan dengan tokoh sukan iaitu pertemuan pertama adalah untuk sesi suai kenal dan maklumat awal manakala sesi kedua adalah proses temubual secara rasmi.

# ABSTRAK

## 2.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Muhammad razif b salleh mengenai kerjaya beliau dalam bidang sukan motocross yang sudah melebihi 13 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di salah sebuah restiran di segamat bermula jam 2.00 petang dan pada 22 Jun 2015 bermula jam 10.00 pagi. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang sukan basikal. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam bidang sukan basikal ini dan beliau juga menceritakan tentang kejayaan yang telah beliau capai dalam bidang sukan basikal.

# SINGKATAN KATA

**SINGKATAN KATA**

UITM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SUKAN SEA	SOUTHERN ASIA GAMES
IOC	INTERNATIONAL OLYMPIC COMMITTEE
GTA HELMET	GRAND THEFT AUTO
BMX	BICYCLE RACING THAT RESEMBLES MOTOCROSS WITH TRACKS WITH USING BICYCLE

# **BIODATA PENULIS**



Nama : NURUL NADIAH BT YUSMAN

No. ID UiTM : 2013399373

Umur : 22 Tahun

Cita-cita :Pensyarah

Hobi : MELANCONG

Tarikh lahir : 13 Mac 1993

Tempat lahir : Hospital

Nama Ibu : Hamimah bt Mansor

Nama Ayah : Yusman b Idris

Pendidikan awal : 1) Sekolah Rendah Bandar Mas

2) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Bandar Penawar

3) UiTM Johor Kampus Segamat

Status : Bujang



Nama : NUR NATASHA BT MOHD NAJIB

Nö. ID UiTM : 2013506145

Umur : 22 Tahun

Cita-cita : Pensyarah

Hobi : MELANCONG

Tarikh lahir : 13 Mac 1993

Tempat lahir : Hospital Universiti Petaling Jaya

Nama Ibu : Azizan bt Baharin

Nama Ayah : Mohd Najib b Idris

Pendidikan awal : 1) Sekolah Kebangsaan Seksyen 17 Shah Alam

2) Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 24 Shah Alam

3) Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Andalas Klang

4) UiTM Johor Kampus Segamat

Status : Bujang

# **BIODATA**

# **TOKOH**



Nama : Muhammad Razif B Salleh

Umur : 29 Tahun

Hobi : Berkonvoi dan menunggang motocross

Tempat lahir : Hospital Segamat

# **TRANSKRIP WAWANCARA**

**TRANSKRIP WAWANCARA**

Berikut adalah rakaman wawancara secara lisan bersama Encik Muhammad Razif b Salleh, atlet basikal di Segamat. Rakaman ini dijalankan disalah sebuah restoran di Segamat pada dua puluh dua Jun dua ribu Lima belas (22 Jun 2015) pada jam sepuluh (10) pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh saya Nur Natasha bt Mohd Najib dan rakan saya Nurul Nadiah Bt Yusman, dengan segala hormatnya kami memulakan wawancara.

Tasha: Assalamualaikum, hari ini saya akan menemuramah seorang atlet basikal yang sudah berkecimpung dalam bidang dunia basikal selama 17 tahun.

Tasha: Bolehkah encik aaa terangkan serba sedikit latar belakang diri encik?

En.Razif: ok waalaikum salam cik Natasha. Nama saya Razif b Salleh. Saya berasal daripada segamat. Berumur 35 tahun. Sudah berkahwin. Mempunyai 3 orang anak dan 2 leleaki dan seorang perempuan berumur 10 tahun, anak nombor (number) 7 tahun dan anak nombor (number) 3 berumur 8 bulan. Ok.

Tasha: apakah aaa pencapaian aaa encik di dalam umm bidang basikal?

En. Razif: emm..Ok.. pencapaian saya setakat ni(ini) aaa mewakili peringkat daerah segamat dan pernah mewakili peringkat kebangsaan waktu beumor(berumur) 25 tahun..aaa..

- tur

Tasha: berapakah koleksi basikal yang encik miliki?

En.Razif: setakat ni(ini) sebelum ni(ini) saya mempunyai 5 buah basikal. Aaa... tapi sekarang ni(ini) saya mempunyai 2 buah basikal. Aaa... kerana yang 2 buah basikal tu(itu) saya tak(tidak) mampu nak(hendak) jual sebab ada sensitivity(B.English) dia(nya). Pertama, 1 basikal tu(itu) hasil titik peluh saya lah. Waktu saya bekerja dan pertama kali saya berkecimpung dalam bidang basikal ni(ini). Yang kedua tu(itu) memang saya tak(tidak) boleh jual lah sebab itu hadiah daripada isteri kesayangan saya. Hadiahkan saya untuk harijadi. Aa...jenama basikal saya aaa tak(tidak) lah mewah mana Cuma Gajedi saya tak(tidak) berapa ingat dan jenama Giant tak(tidak) silap saya antara 2 basikal tapi ddua-dua buah basikal body(B.english) memang ringan lah.

Tasha: Adakah encik mendapat sokongan daripada keluarga/rakan-rakan?

En Razif: ha ye(ya).saya dapat sokongan sepenuhnya daripada family(keluarga), ibu bapa saya, isteri dan anak-anak saya. Setiap kali saya ada competition(B.English) tournament(B.English) (berdehem) latihan isteri saya family(keluarga) akan temani saya kemana saja(sahaja) saya pegi(pergi)

Tasha: Antara koleksi basikal yang encik ada yang manakah paling istimewa?

En Razif: ok...yang paling istimewa yang pertama lah hasil titik peluh saya tu(itu) jenama Gapida. Berasal buatan dia daripada Hungary(nama negara) kalua tak(tidak silap saya lah.

Tasha: aaa....Sejak bila encik menjadi jurulatih kebangsaan?

En.Razif: ok...start(mula) saya jadi jurulatih kebangsaan dapada 2008 sampai 2015 sekarang lah...waktu sekarang dah berusia 7 tahun lah saya jadi jurulatih.

Tasha: Apakah cabaran aaa... menjadi seorang jurulatih?

En Razif: ok... cabaran jadi seorang jurulatih banyak sangat, terlampaui banyak. Kadang-kadang kita nak(hendak) train(B.english) budak-budak,budak sekolah,sekolah menengah, dewasa pun ad. Kadang-kadang dorang punya stamina tak(tidak) berapa nak cukup so kita nak(hendak) kena cari stamina dorang dengan berlari dan ada yang cerewet jugak la kadang-kadang sampai saya pon tak(tidak) nak jaga masing-masing kelakuan masing-masing tu(itu).

Tasha: Apakah cabaran aaa..menjadi seorang pemain basikal?

En.Razif: ok. Cabaran dia menjadi seorang pemain basikal ni(ini) banyak. First sekali duit, yela nak beli body tu basikal tu bukan nya murah. Kadang-kadang ada yang 10.000 ada yang 5000. Start harga 5000 sampai ke 15000 lah body saja. Tak termasuk untuk kita service lagi maintenance sume dengan tayar. Harga paling murah kalua kita nak main pon sekali total kos kita keluar 15000.

Tasha: Bagaimanakah encik membahagi masa kepada ahli keluarga dan pemain basikal?

En.Razif: kita basikal-basikal jugak famil-family jugak. So isnin sampai jumaat tu waktu family la. Kita bekerja malam untu family, untuk isteri anak- anak semua. Tapi sabtu ahad kita meluangkan masa dengan kawan-kawan dengan main basikal. Sabtu pagi kita plan(rancang) kita masing-masing nak main basikal. Dekat mana dekat mana.

Tasha: apakah....aaa...adakah encik mendapat tentangan daripada ahli keluarga?

En Razif: tentangan tu semestinya ada lah. Sewaktu saya bermain basikal berumur 12 tahun saya pernah masuk pertandingan competition(B.english) waktu tu dekat shah alam. Saya mendapat tentangan saya accident lutut saya pecah retak. Aaa. Sejak daripada itu family saya tak bagi. Lama-lama saya start balik berumur 18 tahun saya mula balik berkecimpung dalam bidang basikal.

Tasha: Apakah yang perlu ada pada diri seorang pemain basikal?

En Razif: perlu ada dalam diri ni(ini) minat la. Paling penting. Tak ada minat macam mana kita nak main.pastu(selepas itu) semangat setia kawan pastu(selepas itu) yang paling penting kita kene disiplin. Disiplin waktu competition kita kena dengar arahan daripada juri-juri dorang kata kita kena ikut ni kita kena ikut. Kalu kita langgar peraturan mungkin perkara buruk akan berlaku. Pada diri kita.

Tasha: Apakah yang perlu ada pada diri seorang jurulatih?

En Razif: yang perlu ada pada diri seorang jurulatih ni... tegas la...yang paling penting kita kena ada ilmu tak ada ilmu macam mana kita nk ajar nak murid kita dengan bayar kelas mahal-mahal kalua taka da ilmu tak bagus jugak.

Tasha: Siapakah orang yang menolak encik untuk terlibat dalam sukan basikal?

En.Razif: aaa...yang ajak saya dalam sukan basikal ni kawan-kawan la. Kawan-kawan uitm dulu la..yang sibuk mengajar saya masuk pertandingan..sebelum ni saya dah main basikal dah. Tapi tak tak berminat sangat la. Tak banyak masuk la tournament.

Tasha: Apakah masalah yang akan dihadapi seorang pemain basikal?

En Razif: macam saya cakap tadi la. Masalah yang utama maintenance la. Kita kena ada duit untuk main basikal ni.

Tasha: Apakah masalah yang akan dihadapi seorang jurulatih?

En Razif: masalah yang dihadapi oleh seorang jurulatih ni ha anak-anak murid kita. Ada yang cerewet ada yang keras kepala ada yang bengis tak dengar kata macam-macam ragam manusia yang akan kita ajar

Tasha: Bagaimanakah encik menangani masalah sebagai seorang pemain basikal?

En Razif: menangani tu kita kena... bersikap baik la kita kena tunjuk oada anak-anak murid kita bersikap baik...aaa...so lama-lama dorang paham. So kita kena kuat semangat la.tu saja la bagi saya.

Tasha: Bagaimanakah encik menangani masalah sebagai seorang jurulatih?

En Razif: kita kena ceria kena berborak dengan kita punya anak murid bercerita berkongsi masalah tentang basikal kehidupan dorang sebagai seorang pemain basikal. Tu je la bagi saya untuk menangani masalah tu sebagai jurulatih.

Tasha: Bagaimanakah encik menjaga kesihatan sebagai seorang pemain basikal?

En Razif: jaga kesihatan tu paling utama aaa...supplement la. Pastu pagi-pagi kita kene berlari. Fitness kita kena kuat.

Tasha: Bagaimanakah encik memastikan anak didik encik sentiasa mengambil makanan yang sihat?

En Razif: saya setiap anak murid saya akan bagi dorang untuk pemakanan supaya sihat untuk dorang punya tenaga energy.

Tasha: Apakah peralatan yang penting yang perlu ada dalam perlumbaan?

En Razif: peralatan yang penting semestinya la kita panggil apa tu defend pad. Defend fad tu seperti kita kena pakai pad-pad pada siku, lutut, helmet..haaa...mengurangkan risiko kecederaan pada diri kita.

Tasha: Apakah persediaan yang perlu dihadapi oleh seorang pelumba sebelum berlumba?

En Razif: persediaan tu bila kita nak masuk competition kita kena ada persediaan. Persediaan tu sebulan sebelum competition kita kena training betul-betul la. Haaa...sihat lepastu kita kena tidur makan. Haa yang penting waktu tournament doa je la..tawakal. tu je...

Tasha: Adakah encik mengamalkan makanan tambahan bagi mengekalkan kesihatan encik?

En Razif: makanan tambahan supplement la dan makan. Makan makanan yang sayur-sayuran la. Tu je la saya punya ubat untuk sihat.

Tasha: Apakah jenis trek perlumbaan yang susah?

En Razif: trek perlumbaan yang susah banyak bagi saya. Tapi paling susah trek mountain sebab dia kawasan bebukit sebab bebukit tu menguji fizikal la.

Tasha: Apakah jenis trek perlumbaan yang senang?

En Razif: trek perlumbaan yang senang trek la kita trek dalam stadium dalam dewan. Ha kita main dalam dewan. So kita main dalam dewan kita tak kena panas taka da apa-apa Cuma penat je la letih je la. Bila competition tak sesuai dalam trek kita kena buat dekat luar.

Tasha: Di manakah tempat perlumbaan yang paling jauh encik sertai?

En Razif: haa...saya...tempat yang paling jauh saya sertai eh? Sebenar nya saya nak cerita nie saya baru balik daripada china. Latihan aaa... basikal...untuk competition next week saya dekat sabah..ha.. so...tu la..

Tasha: Di manakah tempat perlumbaan yang paling dekat encik sertai?

En Razif: paling dekat saya sertai setakat ni johor la. Tapi kalu nak kata kan dekat tu...sebab saya pon asal johor tapi belajar dekat...aaa...dulu saya belajar dekat kat sha alam so track saya paling dekat bukit cerakah Selangor.

Tasha: Bagaimana encik bermula dalam sukan basikal?

En Razif: saya mula dalam bidang basikal ni sejak sekolah la. Maca, saya cakap tadi mak saya tak bagi sebab saya injured waktu sekolah la. Berumur 10 tahun..aaa..

Tasha: Bolehkah encik terangkan latarbelakang keluarga encik?

En Razif: ok latar belakang saya mempunyai 5 orang adik beradik dan saya anak keempat daripada 5 tu. Ha saya berumur 35 tahun macam mana saya cakap tadi saya berasal daripada family yang tak berapa nk senang la.

Tasha: Bolehkah encik terangkan latarbelakang pendidikan encik?

En Razif: saya berasal daripada johor. Haaa...kawasan perumahan saya batu 6. Sekolah rendah dekat batu 6 sekolah menengah dekat segamat.

Tasha: Apakah kenangan pahit/manis yang encik tidak dapat lupakan di sekolah dalam bidang sukan?

En Razif: kenangan pahit dan manis tu. Pahit tu waktu saya accident kecederaan lutut. Saya retak kena simen tu. Dan manis tu waktu saya menang la competition. Saya menang berturut-turut saya menang sabah dan Sarawak saya menang mewakili johor.

Tasha: Sudah berapa lama encik menceburi bidang sukan basikal?

En Razif: daripada umur say 10 tahun sampai sekarang dah 15 tahun la saya berkecimpung dalam bidang basikal.

Tasha: Bagaimana encik dapat bimbingan untuk menceburi sukan basikal?

En Razif: bidang basikal ni saya dapat daripada kawan-kawan la. Semangat daripada kawan-kawan family. Haa.. anak-anak...haa..

Tasha: Bolehkah encik cerita sedikit tentang pengalaman encik dalam sukan basikal?

En Razif: pengalaman dalam bidang basikal ni setakat sebelum ni saya belum rasa seteruk saya pegi dekat china. Saya pegi china bulan 1 sampai bulan 6 saya baru balik kemarin.

Tasha: Adakah encik mendapat tajaan daripada mana-mana agensi?

En Razif: sponsor tu saya dapat daripada cyclomotion k ha tu nama company dekat kuala Selangor. Dia taja saya dari segi equipment semua dia yang sponsor.

Tasha: Berapakah basikal yang paling mahal yang encik pernah beli?

En Razif: basikal yang mahal berharga 15000 la.. yang first saya beli tu 15000 mahal dia sebab dia berkualiti la..ringan haa..orang kata apa sedap la kita nak main mountain. Kalua tournament saya akan pakai basikal ni. Sebab body dia ringan.

Tasha: Bagi yang baru menceburi dalam bidang sukan basikal ini, besar atau tidak kos untuk membeli basikal?

En Razif: modal tu kita kena ikut pada kemampuan pada diri kita masing-masing la. Sapa yang nak beli basikal yang mahal ke murah ke bole beli.

Tasha: Siapakah idola encik dalam bidang ini?

En Razif: ok...aa...idola saya Azizul Hasni Awang dengan anuar manan. Ha itu la anatar 2 idola saya. Sampai sekaramg. Walaupun umur dorang muda tapi saya tetap minat dorang.

Nadia: Adakah antara ahli keluarga/ anak yang mengikut jejak langkah encik?

En Razif: buat masa sekarang ni belum ada lagi la sebab sekarang ni anak-anak saya kecik lagi.

Nadia: Berapa jam encik akan menghabiskan masa untuk berlatih?

En Razif: masa untuk berlatih tu saya akan amik masa 5 jam la. Start daripada pukul 8 sampai pukul 12. Kalu rajin sikit kita up sikit sampai pukul 2.

Nadia: Bagaimana encik menguruskan masa dari segi kerja dan sukan basikal

En Razif: macam saya cakap tadi la. Isnin sampai jumaat tu saya akan ride waktu petang sahaj.

Nadia: Adakah encik ada menceburi bidang lain selain sukan basikal?

En Razif: bidang lain tu saya tak berapa minat la. Sebab dulu saya pernah cuba bermain bola tapi saya rasa minat saya hanya pada basikal je.

Nadia: Adakah encik mempunyai basikal kesayangan?

En Razif: basikal kesayangan tu mesti la ada. Macam saya cakap tadi basikal pertama yang syaa beli itu la basikal kesayangan saya.

Nadia: Apakah model basikal pertama yang encik beli?

En Razif: model pertama yang saya beli gapida.

Nadia: Bolehkah encik terangkan serba sedikit tentang jenis basikal?

En Razif: banyak sangat..yang paling bagus gapida la yang saya guna sekarang..

Nadia: Bagaimana encik memperluaskan bakat sehingga menjadi seorang atlet basikal?

En Razif: daripada segi bakat ni kita jangan takut la nak masuk apa-apa competition. Macam saya dulu...aaa..cuba je apa yang ada dan alhamdullilah saya smapai ke tahap ni la.

Tasha: Siapakah dorongan encik untuk terus dalam bidang sukan basikal?

En Razif: ha..yang mendorang saya sampai sekarang mestila keluarga dan rakan saya yang banyak bagi semangat. Dorang bagi sokongan.

Tasha: Selain encik seorang atlet sukan basikal ,ada atau tidak atlet basikal di segamat ini?

En Razif: tu... haa... saya tak pasti la tapi di segamat kami ada kumpulan basikal yang kami ride sama-sama setiap minggu.

Nadia: Siapakah jurulatih encik dalam sukan basikal?

En Razif: jurulatih saya dalam basikal ni...kawan-kawan la...bagi saya kawan-kawan adalah jurulatih sebab dorang ni banyak bagi sokongan.

Nadia: Apakah hobi encik pada masa terluang?

En Razif: haa..sudah tentu la hobi saya bermain basikal. Selain tu saya suka memancing.

Nadia:Pada pendapat encik,sejauh manakah permainan basikal boleh bertahan pada masa hadapan?

En Razig: insyallah kalua ada usaha dan kerjasam ia boleh bertahan lama la..

**Terima kasih, sekian sahaja wawancara sejarah lisan bersama En. Muhammad Razif b Salleh pada hari ini.**

# NAMA INDIVIDU YANG DISEBUT

Azizul Hasni Awang	ATLET BERBASIKAL KEBANGSAAN
Azman b Manan	ATLET BERBASIKAL KEBANGSAAN

# **LOG WAWANCARA**

**LOG WAWANCARA**

<b>Masa</b>	<b>Topik</b>	<b>Huraian</b>
03:41	BAHAN BACAAN <ul style="list-style-type: none"> <li>• Majalah dari luar Negara</li> </ul>	-dari Australia  -dari US
04:29	SEJARAH MOTOCROSS <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 1924</li> <li>• Tahun 1975</li> </ul>	-diperkenalkan di British  -Jepun pengeluar motocross terbesar di dunia  -Amerika Syarikat ramai atlet motocross
07:19	MOTOCROSS BERTAPAK DI MALAYSIA <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 1980-an</li> </ul>	-TRIMUS LIVITA memperkenalkan sukan motocross.
10:44	MULA BERKECIMPUNG <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 2000</li> <li>• Umur 15 tahun</li> </ul>	- dibawa oleh ayah beliau menyaksikan perlumbaan motocross
12:03	JENIS MOTOCROSS <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 jenis</li> </ul>	-Motad  -Trail  -Motocross  -Freestyle

# KRONOLOGI

**KRONOLOGI**

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>ORANG YANG TERLIBAT</b>
21/5/2015	Berbincang bersama rakan tugas untuk memilih tokoh yang sesuai untuk ditemubual. Membuat keputusan untuk menemubual tokoh sukan basikal di Segamat.	Tasha & Nadia
4/6/2015	Berjumpa dengan pensyarah bagi menanyakan dan meminta nasihat mengenai tokoh yang kami pilih.	Encik Zul Azmi
11/6/2015	Berjumpa dengan Encik Razif untuk mendapatkan kebenaran dan sesi temubual berikutnya.	Encik Razif
12/6/2015	Memulakan soalan orientasi bersama rakan tugas.	Tasha & Nadia
15/6/2015	Menunjukkan soalan kepada pensyarah untuk diperbetulkan.	Encik Zul Azmi
17/6/2015	Berjumpa dengan tokoh sukan untuk mendapatkan maklumat awal dan mula membuat soalan umum dan terperinci bersama rakan.	Encik Razif, Tasha & Nadia
22/6/2015	Perjumpaan dan temubual secara rasmi bersama tokoh sukan motocross.	Encik Razif
236/2015 – 27/6/2015	Menyiapkan transkrip temubual bersama rakan tugas.	Tasha & Nadia
30/6/2015	Penyerahan audio dan transkrip kepada pensyarah.	Encik Zul Azmi

# **SENARAI SOALAN**

INTRODUCTION

1. Bolehkah encik keterangan latar belakang diri encik?
2. Apakah pencapaian nencik?
3. Berapa banyak koleksi basikal yang encik miliki?
4. Adakah encik mendapat sokongan daripada keluarga/rakan-rakan?
5. Antara koleksi basikal yang encik ada yang manakah paling istimewa?
6. Sejak bila encik menjadi jurulatih kebangsaan?
7. Apakah cabaran seorang jurulatih?
8. Apakah barang seorang pemain basikal?
9. Bagaimanakah encik membahagi masa kepada ahli keluarga dan pemain basikal?
10. Pernahkah encik mendapat tenterangan daripada ahli keluarga?
11. Apakah yang perlu ada pada diri seorang pemain basikal?
12. Apakah yang perlu ada pada diri seorang jurulatih?
13. Siapakah orang yang menolak encik untuk terlibat dalam sukan basikal?
14. Apakah masalah yang akan dihadapi seorang pemain basikal?
15. Apakah masalah yang akan dihadapi seorang jurulatih?
16. Bagaimanakah encik menangani masalah sebagai seorang pemain basikal?
17. Bagaimanakah encik menangani masalah sebagai seorang jurulatih?
18. Bagaimanakah encik menjaga kesihatan sebagai seorang pemain basikal?
19. Bagaimanakah encik memastikan anak didik encik sentiasa mengambil makanan yang sihat?
20. Apakah peralatan yang penting yang perlu ada dalam perlumbaan?
21. Apakah persediaan yang perlu dihadapi oleh seorang pelumba sebelum berlumba?
22. Adakah encik mengamalkan makanan tambahan bagi mengekalkan kesihatan encik?
23. Apakah jenis trek perlumbaan yang susah?
24. Apakah jenis trek perlumbaan yang senang?
25. Di manakah tempat perlumbaan yang paling jauh encik sertai?
26. Di manakah tempat perlumbaan yang paling dekat encik sertai?
27. Bagaimana encik bermula dalam sukan basikal?
28. Bolehkah encik terangkan latarbelakang keluarga encik?
29. Bolehkah encik terangkan latarbelakang pendidikan encik?
30. Apakah kenangan pahit/manis yang encik tidak dapat lupakan di sekolah dalam bidang sukan?
31. Sudah berapa lama encik menceburi bidang sukan basikal?

32. Bagaimana encik dapat bimbingan untuk menceburi sukan basikal?
33. Bolehkah encik cerita sedikit tentang pengalaman encik dalam sukan basikal?
34. Adakah encik mendapat tajaan daripada mana-mana agensi?
35. Berapakah basikal yang paling mahal yang encik pernah beli?
36. Bagi yang baru menceburi dalam bidang sukan basikal ini, besar atau tidak kos untuk membeli basikal?
37. Siapakah idola encik dalam bidang ini?
38. Jika encik bukan olahraga basikal, siapakah encik?
39. Adakah antara ahli keluarga/ anak yang mengikut jejak langkah encik?
40. Berapa jam encik akan menghabiskan masa untuk berlatih?
41. Bagaimana encik menguruskan masa dari segi kerja dan sukan basikal
42. Adakah encik ada menceburi bidang lain selain sukan basikal?
43. Adakah encik mempunyai basikal kesayangan?
44. Apakah model basikal pertama yang encik beli?
45. Apakah model basikal yang paling mahal?
46. Bolehkah encik terangkan serbase dikit tentang jenis basikal?
47. Bagaimana encik memperluaskan bakat sehingga menjadi seorang atlet basikal?
48. Siapakah dorongan encik untuk terus dalam bidang sukan basikal?
49. Selain encik seorang atlet sukan basikal, ada atau tidak atlet basikal di segamat ini?
50. Siapakah jurulatih encik dalam sukan basikal?

COMMON

51. Apakah pencapaian utama encik dalam sukan basikal?
52. Apakah hobi encik selain bermainbasikal?
53. Mengapakah encik memilih sukan basikal?
54. Apakah kunci utama kejayaan encik?
55. Apakah falsafah hidup encik?
56. Apakah pandangan encik terhadap sukan basikal di Negara ini?
57. Adakah encik mempunyai pendapat untuk memartabatkan sukan basikal?
58. Pernahkah encik mewakili Negara/negeri keluar Negara?
59. Bolehkah encik beri sedikit pendapat tentang kelab rakanmuda?
60. Adakah dengan bermain basikal boleh mengurangkan penyakit jantung?
61. Apakah sumbangan encik kepada masyarakat?
62. Apakah sumbangan encik kepada negeri?
63. Apakah sumbanagn encik kepada Negara?
64. Apakah sumbangan encik dalam sukan basikal?
65. Bagaimanakah cara mahu meningkatkan kualiti sebagai ahli sukan?
66. Apakah bentuk kecederaan yang biasaakan di alami oleh pemain basikal?
67. Apakah langkah yang perlu di ambil untuk mengelakkan kecederaan itu dari berlaku?
68. Pernahkah encik mengalami kecederaan yang serius semasa dalam perlumbaan?
69. Apakah kelemahan yang biasa dialami oleh pemain?
70. Bagaimanakah cara untuk mengatasi kelemahan itu?
71. Adakah terdapat sebarang persatuan/kelab basikal di segamat ini?
72. Adakah encik terlibat dalam mana-mana persatuan/kelab ini?
73. Adakah encik ada memegang sebarang jawatan dalam persatuan/kelab ini?
74. Apakah pendapat encik mengenai masyarakat yang berfikir mengenai penglibatan dalam sukan ini tidak penting?
75. Apakah pendapat encik mengenai ibubapa yang mengatakan bahawa kokurikulum di sekolah ini tidak penting?
76. Pernahkah encik menerima komen negative daripada mana-mana pihak?
77. Pernahkah encik menerima komen positif daripada mana-mana pihak?
  
78. Bagaimanakah cara encik meningkatkan keyakinan dalam diri encik mengenai sukan basikal ini?

79. Apakah bentuk nasihat yang sering encik berikan kepada pemain encik?
80. Adakah had umur untuk menyertai sukan basikal ini?
81. Bagaimanakah encik mengenal pasti kelemahan pemain encik?
82. Bagaimanakah encik mengenal pasti pemain yang berkebolehan?
83. Adakah latihan yang berbeza untuk seseorang pemain itu?
84. Berapa bentuk latihan yang perlu dilalui dan dilepasi oleh seseorang pemain itu?
85. Pernahkah encik merasa kegagalan dalam diri encik?
86. Bagaimanakah cara encik mengatasi rasa kegagalan itu?
87. Apakah latihan yang paling sukar pernah encik lalui?
88. Dimanakah tempat latihan yang selalu encik pergi?
89. Dimanakah tempat pertama encik menjalankan latihan?
90. Adakah encik memang berasal dari segamat??
91. Sudah berapa lamakah encik menetap di ssegamat?
92. Di manakah tempat latihan encik di segamat?
93. Kenapa encik memilih menjadi pemain basikal?
94. Adakah kasut yang sesuai untuk bermain basikal?
95. Apakah jenis pakaian yang sesuai untuk bermain basikal?
96. Bagaimanakah cara encik untuk memantapkan lagi cara permainan basikal?
97. Siapakah pemain basikal kelolaan encik yang terbaik?
98. Agak-agak berapa lamakah encik akan meneruskan kerjaya sebagai pemain basikal?
99. Adakah encik mempunyai matlamat tertentu?
100. Adakah encik sudah mencapai matlamat encik?

SPECIFIC

101. Apakah hobi encik pada masa terluang?
102. Pada pendapat encik, sejauh manakah permainan basikal boleh bertahan pada masa hadapan?
100. Pada pendapat encik, antara sikap yang boleh memberi kejayaan kepada seseorang itu?
  101. Berapa lama masa yang diperlukan bagi seseorang itu berlatih?
  102. Dalam masa sehari berapa jam diperlukan untuk berlatih?
  103. Adakah encik berasa gembira dalam kedudukan encik sekarang?
  104. Apakah pendapat encik tentang halatuju permainan basikal pada masa kini?
  105. Apakah makanan kegemaran encik?
  106. Jika encik bukan seorang pemain basikal apakah encik sekarang?
  107. Adakah encik terlibat dalam sukan ini dari sekolah lagi?
  108. Adakah encik memang meminati sukan basikal ini sejak kecil lagi?
  109. Kenapa encik memilih sukan basikal ini?
  110. Pernakah encik terfikir untuk mempunyai persatuan basikal di bawah naungan encik?
  111. Tidakkah encik terfikir untuk mencuba sukan lain?
  112. Pada usia berapakah encik menyertai pertandingan yang pertama?
  113. Adakah encik berasa yakin terhadap kedudukan encik sekarang?
  114. Adakah encik berasa dapat bertahan dalam sukan basikal ini?
  115. Pada pendapat encik dimanakah halatuju sukan Negara sekarang?
  116. Pada pendapat encik adakah tahap sukan pada masa sekarang berada dalam tahap yang baik?
  117. Siapakah pemain basikal yang encik kagumi pada masa kini?
  118. Apakah pesanan encik kepada sesiapa sahaja yang ingin mencebur dalam bidang basikal ini?

# RUMUSAN

## RUMUSAN

Kesimpulannya, setelah melakukan sesi temubual bersama Encik Muhammad Razif B Salleh sebagai atlet basikal ini dijalankan kita dapat mengetahui serba sedikit mengenai basikal khususnya di Segamat ini. Selama ini kita mungkin tidak menyedari malahan kita tidak mengetahui apa-apa mengenai kewujudan dan juga perkembangan sukan Basikal Setelah Encik Muhammad Razif B Salleh memberitahu mengenai pengalaman beliau dan juga menyuarakan pendapat serta luahan mengenai isu basikal di Negara Malaysia, kami berharap agar sukan ini diambil perhatian dan terus maju. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab sewajarnya mengambil langkah bijak agar sukan basikal ini lebih mendapat tempat dan dikenali ramai terutama sekali rakyat di Malaysia ini. Bukan saja bakal dikenali ramai seterusnya dapat mengharumkan nama Malaysia di persada dunia pada suatu masa nanti.

# RALAT

## RALAT

Ralat adalah gangguan yang terdapat semasa proses temubual ini dijalankan. Berikut adalah antara ralat yang terjadi ketika proses temubual ini dijalankan:-

- Bunyi penghawa dingin
- Bunyi suara berbisik
- Bunyi orang batuk
- Bunyi gerakan kerusi
- Bunyi selakan helaian kertas dan buku
- Bunyi pintu dibuka
- Bunyi telefon berdering
- Bunyi enjin lori
- Bunyi suara ketawa
- Bunyi perbualan di restoran

# RUJUKAN

## RUJUKAN

- (2012). *Bicycle* : the different types of Bicycle racing. Retrieved June, 22, 2015  
From <https://bicycle.wordpress.com/2012/07/15/motocross-the-different-types-of-bicycle-racing/>

# INDEKS

A

Azizul

C

competition

Azman

D

Demax

E

Expert

F

Flat

H

helmet

J

Jepun

# LAMPIRAN

